

23/09/1998

MMA '97: Sangkal dakwaan pengkritik asing

PERSIDANGAN dan pameran Multimedia Asia 97 (MMA 97), MMA '97 bertema Menggerakkan MSC Daripada Wawasan Kepada Kenyataan: Angka Rujuk Penyelesaian Pintar, dijadikan platform membincangkan isu penting berkaitan integrasi sistem dalam perundangan, sekuriti, sosial, komersil dan alam sekitar.

MMA '97 menjadi platform strategik untuk menyangkal dakwaan media dan pengkritik asing yang sangsi keupayaan negara membangunkan projek besar seperti Koridor Raya Multimedia (MSC).

MMA '97 turut muncul sebagai tempat perjumpaan pemain teknologi maklumat (IT) dunia dan peluang untuk usahawan tempatan dan orang ramai mencari rakan kongsi dan mempelajari pelbagai teknologi terkini dalam bidang teknologi maklumat (IT).

Setiausaha Tetap Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC), Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen dilaporkan berkata, lebih 100 syarikat IT tempatan dan antarabangsa menyertainya di samping pembentangan kertas kerja yang dilakukan oleh ahli Majlis Penasihat Antarabangsa MSC.

Dianjurkan oleh NITC, persidangan MMA '97 telah memberi peluang kepada pelawat melihat aplikasi multimedia canggih yang mungkin digunakan dalam koridor teknologi canggih negara.

Berlangsung di Pusat Pameran Antarabangsa, Bandar Peranginan Mines, Seri Kembangan, MMA '97 dan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 16 hingga 19 September 1997.

Sambutan syarikat multimedia serta pakar multimedia bagi MMA '97 sangat baik dengan 90 peratus ruangan pameran ditempah dengan pembabitan lebih 100 syarikat tempatan serta luar negara.

Dua pelantar kebangsaan iaitu Putrajaya dan Cyberjaya serta dua pelantar nasional daripada Sweden dan Perancis ialah antara tarikan utama ruang pameran MMA '97. Antara peserta pameran itu adalah Celcom, Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, Putrajaya Holdings Sdn Bhd dan Bernama.

Acara itu juga menjadi tempat kepada pembekal teknologi bertemu untuk membangunkan perkongsian pintar antara usahawan Malaysia dengan rakan usaha sama dari luar negara terutamanya untuk projek MSC dan juga bidang lain di rantau ini.

(END)